


SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
SHN04-AK/MH

5H4M HANOI + SAPA + MT FANSIPAN + HALONG BAY



**GUNUNG FANSIPAN BOLEH DILAWATI DENGAN
MENAIKI KERETA KABEL KE PUNCAK TERTINGGI
INDOCHINA INI DALAM MASA 15 MINIT SAHAJA.**

5H4M

HANOI + SAPA + MT FANSIPAN + HALONG BAY

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
SHN04-AK/MH**

HARI 01 KUALA LUMPUR - HANOI - SAPA

MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Hanoi. Tiba di Hanoi dan meneruskan perjalanan ke Sapa. Sebuah bandar kecil yang terletak di kawasan pergunungan barat laut Vietnam. Bermalam di **Sapa**.

HARI 02 SAPA - CAT CAT VILLAGE - Y LINH HO

SP/MT/MM

Lawatan di **Sapa**:

- Melawat ke **Cat Cat Village**. Perkampungan tradisional ini wujud sejak abad ke-19 semasa ramai keluarga berketurunan Hmong dan Red Dao berpindah ke utara Vietnam. Anda juga dapat menemui beberapa rumah terbuka yang digelar sebagai rumah pameran yang mempamerkan peninggalan budaya yang penting buat etnik-etnik tempatan di Cat Cat.
- Teruskan perjalanan untuk melihat keindahan **Cat Cat Waterfall**.
- Bertolak ke **Y Linh Ho Village**, perkampungan kecil etnik Black H'mong, terletak di lembah yang dikelilingi sawah padi bertingkat-tingkat. Bermalam di **Sapa**.

HARI 03 MT FANSIPAN - HANOI

SP/MT/MM

Melawat ke gunung terkenal Vietnam iaitu Mt. Fansipan.

- **Mt. Fansipan** berketinggian 3,143 meter, puncak tertinggi Indochina ini boleh ditakluk dalam masa 10 - 12 jam oleh para pendaki gunung yang handal. Di sini juga anda dapat menikmati keajaiban flora dengan lebih daripada 1,600 spesies tumbuhan yang unik.
- Peserta akan menaiki kereta kabel dua hala dalam perjalanan selama 15 minit, kemudian menaiki keretapi sehala untuk sampai ke puncak Mt. Fansipan.
- Pulang ke Hanoi dan singgah di **Jambatan Long Bien** – jambatan ikonik dari era Perancis yang merentasi Sungai Merah. Anda juga dapat melihat Hanoi Ceramic Mosaic Wall, hasil seni sepanjang 4 km yang memaparkan kisah dan budaya Vietnam.

Bermalam di **Hanoi**.

HARI 04 HANOI - HALONG BAY - HANOI

SP/MT/MM

- Bertolak ke Halong Town. Sepanjang perjalanan anda dapat melihat suasana kampung-kampung Vietnam Utara dengan sawah padi luas terbentang.
 - Menaiki bot untuk lawatan separuh hari di **Halong Bay**, sebuah destinasi Warisan Dunia UNESCO (1994):
Bertolak ke Halong town. Sepanjang perjalanan anda dapat melihat suasana sawah padi yang luas terbentang di kampung-kampung Vietnam Utara.
 - Lawatan di **Halong Bay**:
 - Lawatan separuh hari, menaiki bot di Halong Bay, sebuah destinasi Warisan Dunia UNESCO (1994)
 - Nikmati keindahan lebih 1,600 pulau batu kapur yang seolah-olah terapung di laut hijau kebiruan.
 - Melihat **Paradise Grotto**, gua batu kapur yang menakjubkan dengan pembentukan stalaktit dan stalagmit.
 - Singgah di **Fisherman Village**, kampung nelayan terapung yang unik.
 - Bergambar di **Chicken-Kissing Rock**, formasi batu ikonik Halong Bay.
 - Nikmati kopi Vietnam di atas bot sambil menikmati panorama Halong Bay.
- Bermalam di **Hanoi**.

HARI 05 HANOI - KUALA LUMPUR

SP

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.

PERTUKARAN MATA WANG



VIETNAM DONG
VND 100,000 = RM 20



PERBEZAAN WAKTU

Vietnam: GMT+7 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - September



Musim Luruh:

Okt - November



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei

SAPA MT. FANSIPAN



1.



KERETA KABEL MT FANSIPAN

Peserta akan menaiki kereta kabel dua hala dalam perjalanan selama 15 minit, kemudian menaiki keretapi untuk sampai ke puncak Mt.Fansipan.

2.



Y LINH HO VILLAGE

Perkampungan indah yang dikelilingi kawasan pergunungan dan sawah padi.

3.



CAT CAT VILLAGE

Perkampungan tradisional ini wujud sejak abad ke-19. Anda akan dapat menemui beberapa rumah pameran yang merupakan peninggalan budaya yang penting buat etnik-etnik tempatan di Cat Cat.

4.



HALONG BAY

Nikmati pemandangan alam semula jadi yang memukaukan di Teluk Halong.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Sapa	2 Mlm
Hanoi	2 Mlm

Jadual Penerbangan

HARI	PESAWAT <i>malaysia</i>	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 752	KUL - HAN	0930	1200
5	MH 753	HAN - KUL	1300	1740

HARI	PESAWAT <i>AirAsia</i>	SEKTOR	ETD	ETA
1	AK 512	KUL - HAN	1240	1500
5	AK 513	HAN - KUL	1530	1950

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes). (Hotel berdekatan pantai dan pasar malam).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Kereta kabel (2 hala) dan keretapi (1 hala) ke puncak Fansipan.
- Tiket bot Halong Bay.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.